

KANDUNGAN DAN PEMBUKTIAN BUAH-BUAHAN DALAM AL-QURAN: ANALISIS TERHADAP AL-QURAN & SAINS

Khalilullah Amin Bin Ahmad (Corresponding author)

Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs),
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.
E-Mail: amin@kuips.edu.my

Ahmad Shabudin Bin Ariffin

Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs),
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.
E-Mail: shabudin@kuips.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran mempunyai mukjizat yang tidak akan berubah dan sentiasa terpelihara hingga ke hari kiamat nanti. Hal ini kerana Allah telah berjanji bahawa Kitab-Nya akan kekal dan tidak berubah-ubah walaupun sedikit. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT melalui perantaraan Malaikat Jibril adalah membolehkan manusia menjalani kehidupan berlandaskan wahyu Allah SWT tanpa melakukan kebinasaan di dunia dan menjamin kebahagiaan hidup di akhirat. Kertas kerja ini memerihalkan tentang buah-buahan yang dinyatakan di dalam al-Quran yang menjadi salah satu daripada tanda kebesaran-Nya. Turut dibincangkan aspek hubungan petunjuk sains dan mukjizat al-Quran yang terdapat dalam buah-buahan tersebut. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dengan menganalisis kandungan teks berdasarkan perbincangan para ilmuan dalam bentuk pendekatan naratif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai rahsia dan keajaiban tersendiri pada buah-buahan yang dinyatakan dalam al-Quran dari sudut tafsiran para ulama dan pendidikan sains.

Kata kunci: *Buah-buahan, Al-Quran, Petunjuk Sains*

PENGENALAN

Al-Quran adalah merupakan mukjizat terbesar yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi kita, Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab yang unik. Ianya terkandung pelbagai rahsia dan keajaiban teragung yang menjadi fokus dan relevan sepanjang zaman. Segala aturan dan metodologi yang termaktub di dalamnya menjadi sumber gaya hidup bagi orang beriman hingga ke hari kiamat.¹ Perbincangan berkenaan buah-buahan yang dinyatakan dalam al-Quran telah pun dijelaskan oleh para ulama terdahulu dan ia masih diteruskan menerusi penyelidikan. Kajian ilmiah tersebut telah

¹ Muhamad Khairul Anuar Zulkepli. (2016). "Buah-Buahan Dalam Al-Quran Menerusi Aspek Bahasa Arab". Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 3 (2). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

dihuraikan oleh para sarjana dan ia dibincangkan dalam pelbagai sudut contoh rujukannya ialah *Kitab al-Nabat* (1974), *al-Thimar wa al-A'syab al-Waridah fi al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyah* (2006)² dan *Asrar al-Nabat* (2009)³.

JENIS BUAH-BUAHAN DALAM AL-QURAN

Hasil penelitian oleh pengkaji mendapati bahawa terdapat ayat al-Quran yang dirakamkan mengandungi perkataan buah-buahan seperti buah Tin (*al-Tin*), buah zaitun (*al-Zaitun*), buah pisang (*Talh*), buah anggur (*Inab*), buah delima (*al-Rumman*) dan buah kurma (*al-Nakhl*).⁴

Buah Tin (*Ficus carica L*)

Buah tin dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran sepertimana firman-Nya:

“*Demi buah Tin dan buah Zaitun.*” (Al-Quran 95: 1)

Perkataan *al-Tin* merujuk kepada buah Tin dan sebuah bukit yang terletak di Syam (Syria).⁵ Sebenarnya, keajaiban di sebalik buah tin ini adalah satu kebenaran yang disampaikan melalui rasul-Nya. Buah tin mengandungi zat-zat pembersih yang boleh memberi kesembuhan luka dengan cara melumurnya pada luaran tubuh.⁶ Pokok ara atau tin (*Ficus carica*) adalah tumbuhan daripada famili Moraceae dan ia berasal dari Asia Barat dan Timur Mediterranean. Ciri-ciri buah tin ialah pokoknya berdaun luruh, cepat membiak di kawasan habitatnya, kayu pokoknya adalah kayu tidak padat dan mudah patah, ketinggian pokoknya adalah dalam lingkungan 3 hingga 10 meter berbeza mengikut genotip.⁷ Selain itu, Kementerian Asas Tani Amerika Syarikat menyatakan bahawa buah Tin mengandungi pelbagai nutrisi ideal seperti vitamin A, vitamin C, kalsium, magnesium dan potasium. Kelebihan makan buah ini adalah untuk mengawal nafsu makan dan membantu usaha penurunan

² Mahir Hasan Mahmud Muhammad. (2006). “*al-Thimar wa al-A'syab al-Waridah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyah*”. Mesir: Dar al-Nada.

³ Ashraf Qadah. (2009). “*Asrar al-Nabat*”. Dimashq: Dar al-Ghauthani li al-Dirasat al-Quran al-Karim.

⁴ Muhamad Khairul Anuar Zulkepli. (2016). “*Buah-Buahan Dalam Al-Quran Menerusi Aspek Bahasa Arab*”. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 3 (2). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁵ Ibn al-Manzur. (1999). “*Lisan al-'Arab*”. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

⁶ Nur Khasanah. (2011). “*Kandungan Buah-Buahan Dalam Al-Quran: Buah Tin (Ficus carica L), Zaitun (Olea europea L), Delima (Punica granatum L), Anggur (Vitis vinivera L), Dan Kurma (Phoenix dactylifera L) Untuk Kesehatan*”. Dosen Fakultas Tarbiyah IAIN Walisongo Semarang. Jurnal Phenomenon 1(1).

⁷ Sumaiyah Muhamad Tamizi. (2015). “*Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam Dan Sains Kesihatan*”. Tesis Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

berat badan. Jus buah tin pun merupakan minuman yang terbaik untuk membunuh bakteria yang tidak memberi manfaat pada tubuh badan.⁸

Wahbah al-Zuhaili (2009) pernah menjelaskan bahawa Allah SWT memulakan surah al-Tin dengan satu sumpah terhadap buah tin dan zaitun. Buah tin dan zaitun yang tertera dalam ayat al-Quran adalah perumpamaan kepada negara yang terkenal dengan kedua-dua buah tersebut. Allah SWT telah bersumpah dengan buah tin ini kerana ia adalah sejenis buah dan penawar kepada pelbagai penyakit. Ciri-ciri buah ini lembut dan ia boleh membantu mempercepatkan proses penghadaman. Kandungan buah tin dapat dijadikan sebagai penawar kerana ia berfungsi untuk merawat dan mengeluarkan sisa bahan kumuhan dalam tubuh. Buah ini adalah sejenis buah yang terkenal dalam al-Quran. Rahsia dan keajaiban di sebalik buah ini telah pun diterokai oleh para ilmuwan silam. Buah tin mengandungi unsur protein, fosfat, zat besi, vitamin, karbohidrat dan kalsium.⁹ Dari sudut perubatan pula, ia membantu menghasilkan *hemoglobin* bagi yang menghadapi masalah kekurangan sel darah merah (*anemia*). Selain itu, antara keistimewaan buah tin boleh membantu mencegah sembelit dan melancarkan pergerakan usus dalam badan. Antara khasiat dan kelebihan khusus buah ini ialah ia dapat membantu mengurangkan penyakit sesak nafas, membersihkan hati dan limpa, menghilangkan kahak yang terkumpul. Ia juga dilihat sebagai satu langkah pencegahan untuk melawan racun dan bakteria dalam badan. Di samping itu, kewujudan khasiat seperti serat, kalium dan magnesium dalam buah tin dapat mengurangkan serangan angin ahmar dan mampu memberi kawalan pada tekanan darah tinggi bagi penghidap penyakit darah tinggi. Manakala bagi penghidap penyakit kencing manis, buah tin boleh memperlambatkan proses serapan glukosa (gula) dalam usus kecil.

Buah Zaitun (*Olea europea L*)

Buah zaitun dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran sepertimana firman-Nya:

“... Dan buah zaitun serta buah delima, yang memiliki persamaan pada bentuk, rupa dan rasanya dan yang tidak memiliki persamaan yang lain (warna atau daun).” (Al-Quran 6: 99)

Perkataan *al-Zaitun* merujuk kepada pokok zaitun, masjid di kota Dimasyq atau sebuah bukit di Syam.¹⁰ Manakala perkataan *Al-Zait* ialah minyak yang terhasil daripada buah zaitun.¹¹

⁸ Nur Khasanah. (2011). “Kandungan Buah-Buahan Dalam Al-Quran: Buah Tin (*Ficus carica L*), Zaitun (*Olea europea L*), Delima (*Punica granatum L*), Anggur (*Vitis vinivera L*), Dan Kurma (*Phoenix dactylifera L*) Untuk Kesehatan”. Dosen Fakultas Tarbiyah IAIN Walisongo Semarang. *Jurnal Phenomenon* 1(1).

⁹ Ashraf Qadah. (2009). “Asrar al-Nabat”. Dimashq: Dar al-Ghauthani li al-Dirasat al-Quran al-Karim.

¹⁰ Abadi, Majd al-Din Muhammad al-Fairuz. (2005). “Qamus al-Muhit”. Beirut: Dar al-Jil.

¹¹ Ibn al-Manzur. (1999). “Lisan al-‘Arab”. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Secara saintifiknya, buah zaitun dikenali sebagai *Olea europaea L.* Ia berasal dari Phoenicia iaitu bahagian selatan di semenanjung Arab. Pokok zaitun penting dalam budaya masyarakat Mediterranean kerana mengikut kepercayaan tradisi budaya mereka, ia adalah simbol keamanan. Ia berdasarkan peristiwa burung merpati yang dihantar untuk menyemak aras banjir ketika zaman Nabi Nuh AS. Lalu, ia pulang dalam keadaan ranting pokok zaitun berada di paruh burung tersebut.¹² Dalam kalangan orang Yahudi, minyak zaitun akan dilumurkan ke seluruh badan sebelum seseorang menyertai misi pertahanan diri. Semasa zaman Kristian pula, pokok zaitun menjadi simbol semangat suci. Negara Sepanyol adalah pengeluar minyak zaitun yang terbesar sebanyak 180 juta pokok zaitun ditanam dari Andalusia ke Catalonia. Pokok zaitun merupakan pokok daripada famili Oleaceae yang bersaiz sederhana. Batangnya kasar, lurus dan berbentuk *elips*. Daunnya berwarna hijau kekelabuan. Buahnya berbentuk beri dan mengeluarkan bunga yang sedikit berwarna putih. Umumnya, zaitun merupakan pokok yang tahan lasak dan tumbuh di kawasan pergunungan, kawasan berbatu dan juga kawasan yang kering di mana kebanyakan tumbuh-tumbuhan lain tidak dapat hidup.¹³ Dalam dunia ilmiah, buah zaitun memiliki nama *ilmia Olea europaea* yang masih tergolong dalam famili *Oleaceae*. Pokok zaitun merupakan pohon yang berumur panjang untuk masa yang lebih dari seratus tahun bahkan ribuan tahun. Ia menghasilkan buah secara terus-menerus tanpa mengerah tenaga manusia. Zaitun dalam berbagai penelitian diyakini memiliki banyak khasiat dan keistimewaan, dari batang, daun hingga buahnya. Kandungan yang ada di dalam buah zaitun sangat kompleks seperti kadar protein, gizi dan antioksidan yang tinggi, sebagaimana ia memiliki kadar garam yang mengandungi kalsium, zat besi, dan fosfat. Ini merupakan zat-zat penting yang diperlukan oleh tubuh manusia. Di samping itu, hampir kesemua buah zaitun dapat digunakan sebagai anti infeksi organ dalaman seperti ginjal, hempedu dan mengandungi senyawa *koloid* yang dapat membunuh sel-sel kanser.

Allah SWT adalah pencipta kepada setiap sesuatu di alam ini. Setiap tanaman, buah-buahan dan seumpamanya turut termasuk dalam penciptaan-Nya. Allah SWT menciptakan setiap tanaman daripada pelbagai jenis bentuk, rupa, ciri-ciri, sifat dan rasa. Begitu juga ciptaan Allah SWT terhadap buah zaitun dan delima yang mempunyai persamaan serta perbezaan warna atau daun. Setiap tanaman yang tercipta itu lahirnya daripada satu acuan air yang sama dan terbit daripada satu jenis tanah yang sama. Namun, perbezaan bagi setiap tanaman ialah bau, rasa, warna dan tempoh matang tanaman tersebut mengikut kesesuaian iklim serta keperluan manusia.¹⁴ Justeru, ini bukti kekuasaan Allah yang mutlak dan tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Dari aspek perubatan, ternyata bahawa buah zaitun mengandungi agen antioksidan. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Cicerale (2010) mendapati kandungan sebatian fenolik dalam minyak zaitun dapat melindungi kerosakan

¹² Sumaiyah Muhamad Tamizi. (2015). "Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam Dan Sains Kesihatan". Tesis Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹³ Katsoyannos P. (1992). "Olive Pest And Their Control In The Near East". Rome: Food And agriculture Organization Of The United Nations.

¹⁴ al-Zuhaili, Wahbah. (2009). "Tafsir al-Munir fi al-'Akidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj". Dimashq: Dar al-Fikr.

oksidatif DNA. Kerosakan oksidatif DNA merupakan pencetus kepada karsinogenesis dan membawa kepada perkembangan sel kanser. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa pengambilan minyak zaitun semasa sarapan pagi mengurangkan *F2-isoprostanes* secara signifikan berbanding sarapan pagi yang tidak diperkayakan dengan sebatian fenolik. *F2-isoprostanes* merupakan petanda wujudnya tekanan oksidasi. Tekanan oksidasi yang dihasilkan oleh spesies oksigen reaktif yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti *arterosklerosis*, kanser dan penyakit kemerosotan sistem saraf.

Buah Pisang

Buah pisang juga dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran sepertimana firman-Nya:

“*Dan pohon-pohon pisang yang tersusun dengan baik (buahnya)*”. (Al-Quran 56: 29)

Perkataan *Talh* mempunyai dua pengertian. Pertamanya, pokok yang tumbuh di kawasan Hijaz dari spesis pokok *al-Sumurah* (akasia tortilis) dan ia dikenali sebagai pokok *Ummu Ghailan*.¹⁵ Ciri-ciri pohon pisang ini ialah berdaun besar, berdaun lebat dan menghijau serta mempunyai duri yang halus yang tumbuh di kawasan bertanah kasar.

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut, antara nikmat syurga yang diterima oleh penghuni-penghuninya dengan menikmati keindahan syurga yang penuh dengan pelbagai nikmat yang berpanjangan. Mereka berada di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri. Mereka dapat melihat dalam syurga itu terdapat pohon-pohon buah syurga iaitu pohon pisang yang tersusun rapi buahnya dan air sungai yang mengalir terus tidak terhenti.¹⁶ Pokok pisang dalam ayat tersebut adalah gambaran nikmat syurga yang diterima oleh hamba-Nya yang beriman. Segalanya tersedia untuk para penghuni syurga yang menambahkan rasa nikmat dan menyenangkan mata memandang. Sehubungan itu, dapat dinyatakan bahawa pisang adalah antara salah satu daripada keajaiban dan kenikmatan syurga yang diciptakan oleh Allah. Ia menjadi perhiasan dalaman syurga bagi orang yang beriman dan bertakwa.¹⁷ Dari perbincangan ini, dapat dilihat perbandingan antara perkataan *Talh* dan pisang (*al-Mauz*) mengikut konteks ayat al-Quran. Perkataan *Talh* dalam al-Quran menerangkan tentang buah yang diciptakan untuk penghuni syurga. Pohonnya besar, tinggi serta mempunyai daun yang banyak. Ia berdaun hijau dan menjadi tempat untuk berteduh di bawahnya. Buahnya pula disediakan untuk penghuni syurga dan mereka boleh bersenang lenang berbaring di bawah teduhan pohon ini. Manakala *al-Mauz* menunjukkan ia adalah buah pisang yang menjadi makanan pelbagai manusia.

¹⁵ Ibn al-Manzur. (1999). “Lisan al-‘Arab”. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

¹⁶ al-Zuhaili, Wahbah. (2009). “Tafsir al-Munir fi al-‘Akidah wa al-Shari’ah wa al-Manhaj”. Dimashq: Dar al-Fikr.

¹⁷ al-Hadi, Abd al-Mun’im Fahim. (t.th.) “‘Alam al-Nabat fi al-Quran al-Karim”. Qaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

Buah Anggur (*Vitis vinifera* L)

Buah anggur dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran sepertimana firman-Nya:

“... Dan buah anggur serta sayur-sayuran...” (Al-Quran 80: 28)

Perkataan ‘*Inab*’ menurut al-Fairuz Abadi (2005) ialah kata *jamak* bagi anggur. Begitu juga istilah tunggal bagi anggur ialah ‘*Inabah*’ manakala kata gandanya ialah *al-‘Inab*, *A‘nab* dan *al-‘Inaba*’.¹⁸

Nama saintifik bagi anggur ialah *Vitis vinifera* L. Ia mempunyai batang yang kuat dengan ketinggian 2 meter. Batang dan tangkainya kasar dan bergabus. Daun pokok anggur adalah daun tunggal iaitu satu helai daun tumbuh pada satu tangkai. Panjang daunnya antara 10-16 cm dan lebarnya antara 8-14 cm. Daunnya tumbuh secara berselang-seli, permukaan yang kasar dan tepinya bergerigi. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada jenis anggur tertentu. Terdapat banyak sulur paut yang berfungsi sebagai penyokong kepada tangkai-tangkainya.¹⁹

Intipati kandungan daripada ayat al-Quran menjelaskan satu seruan kepada manusia supaya menghayati bagaimana Allah SWT menjadikan makanan mereka untuk hidup di atas muka bumi ini. Lantas, ia menjadi petunjuk kepada manusia bahawa makanan yang wujud di bumi ini mempunyai sumber-sumbernya tersendiri. Ia terdiri daripada pelbagai sumber seperti bijirin, gandum, jagung, anggur, sayur-sayuran dan lain-lain. Dalam erti kata yang lain, segala hasil makanan yang wujud di bumi menjadi lubuk rezeki kepada kehidupan manusia sejagat. Oleh yang demikian, segala hasil yang tumbuh ini merupakan antara nikmat besar yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia. Namun, melihat kepada buah anggur yang dinyatakan, ia mengandungi khasiat dan manfaat.²⁰ Buah anggur memberikan manfaat dari perspektif pemakanan dan perubatan. Antara kelebihan buah anggur ialah memudahkan proses penghadaman dalam perut, membersihkan darah, membantu mengimbangkan proses penghadaman dan penawar bagi penyakit jantung.²¹ Beberapa ujian klinikal yang dijalankan mendapati pengambilan makanan yang mempunyai bahan fitokimia seperti *antosianin* yang terdapat dalam buah anggur boleh mengurangkan risiko penyakit jantung.²² Maka, jelaslah di sini bahawa anggur memiliki khasiat yang berguna kepada diri manusia.

¹⁸ Ibn al-Manzur. (1999). “Lisan al-‘Arab”. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

¹⁹ Sumaiyah Muhamad Tamizi. (2015). “Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam Dan Sains Kesihatan”. Tesis Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

²⁰ al-Zuhaili, Wahbah. (2009). “Tafsir al-Munir fi al-‘Akidah wa al-Shari’ah wa al-Manhaj”. Dimashq: Dar al-Fikr.

²¹ Mahir Hasan Mahmud Muhammad. (2006). “al-Thimar wa al-A’syab al-Waridah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyah”. Mesir: Dar al-Nada.

²² Visioli F. et al. (2000). “Diet and prevention of coronary heart disease: the potential role of phytochemicals”. Cardiovascular Research. Vol 47, No 3.

Buah Delima (*Punica granatum L*)

Buah delima dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran sepertimana firman-Nya:

“... Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima.”
(Al-Quran 55: 68)

Perkataan *al-Rumman* ialah kata jamak dan ia merujuk kepada sejenis buah iaitu delima.²³ Dari sudut saintifiknya, buah delima dikenali sebagai *Punica granatum L*. Ia adalah tumbuhan daripada famili *Punicaceae*. Pokok delima berasal dari Iran. Kemudian, ditanam di seluruh kawasan Mediterranean hingga India, China dan Amerika Syarikat (California). Pada masa ini, pokok delima terdapat hampir di seluruh kawasan tropika dan subtropika.²⁴ Walaubagaimanapun, tanaman ini tidak berbuah dengan baik di kawasan yang terlalu lembap. Buah yang tinggi kualitasnya didapati dari kawasan yang musim sejuknya sederhana dan musim panasnya adalah panas dan kering.

Terdapat pelbagai jenis buah yang wujud dalam syurga. Antaranya ialah buah kurma dan delima. Dalam konteks ayat ini, al-Quran menyatakan bahawa kedua-dua buah ini mengandungi khasiat dan manfaat yang tersendiri berbanding dengan buah-buahan lain. Kedua-dua buah tersebut diklasifikasikan sebagai buah yang mulia jika dibandingkan dengan buah-buahan yang lain. Hal ini kerana buah kurma dan delima diperakui sebagai buah yang menjadi sumber makanan dan penawar.²⁵ Dunia perubatan membuktikan bahawa buah delima mampu dijadikan penawar kepada penyakit diabetes. Bunga pokok delima boleh digunakan sebagai makanan tambahan dalam merawat penyakit kronik disebabkan oleh kegagalan metabolisme glukosa. Malah, ia juga dapat digunakan sebagai pencegahan kepada penyakit diabetes.²⁶ Oleh itu, tidak dinafikan bahawa khasiat dalam buah delima sememangnya berguna dan boleh membantu manusia.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Ibn Kathir (1998) dalam tafsirnya yang menyebut bahawa buah delima dan kurma disebut secara khusus kerana kemuliaan yang terdapat pada kedua-dua buah tersebut berbanding yang lain. Walaupun kedua-dua buah tersebut termasuk dalam kategori buah-buahan, namun istilah yang secara khusus memberi petunjuk tentang kelebihan yang dimilikinya. Beliau menyatakan bahawa antara keistimewaan buah delima ialah ia boleh didapati pada musim panas dan sejuk. Bahkan, ia juga boleh dijadikan makanan asasi ataupun dimakan begitu sahaja.²⁷

²³ Ibn al-Manzur. (1999). “Lisan al-‘Arab”. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

²⁴ Sumaiyah Muhamad Tamizi. (2015). “Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam Dan Sains Kesihatan”. Tesis Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

²⁵ al-Zuhaili, Wahbah. (2009). “Tafsir al-Munir fi al-‘Akidah wa al-Shari’ah wa al-Manhaj”. Dimashq: Dar al-Fikr.

²⁶ P. Bagri. (2009). “Antidiabetic effect of Punica granatum flowers: Effect on hyperlipidemia, pancreatic cells lipid peroxidation and antioxidant enzymes in experimental diabetes”. Food and Chemical Toxicology. Vol 47, No 1.

²⁷ al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1946). “Tafsir al-Maraghi”. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladuh.

Daripada penerangan ini, jelaslah keistimewaan yang dimiliki buah delima dan ia bertepatan dengan konsep pengkhususan yang termaktub dalam ayat al-Quran tersebut.

Buah Kurma (*Phoenix dactylifera L*)

Buah kurma dinyatakan dalam al-Quran sepertimana firman Allah SWT:

“ Yang menumbangkan manusia gugur bergelempangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar. ” (Al-Quran 54: 20)

Perkataan *al-Nakhl* merujuk kepada pohon kurma. Penanaman pokok kurma bermula sejak sebelum Masihi iaitu 6000 hingga 8000 tahun yang lalu di Mesopotamia.²⁸ Pada ketika itu, kemungkinan tiada tumbuhan lain yang ditanam di mana-mana tempat. Oleh itu, pokok kurma sangat berhubung kait dengan budaya dan tamadun manusia. Amer W. M. (1994) menyebut bahawa ketinggian pohon kurma adalah antara 15 hingga 25 meter, keratan rentas jejaringnya antara 20 hingga 40 sentimeter dan akarnya mencecah 6 meter kedalaman. Batang pohon kurma pula terdiri daripada gentian selulosa yang kuat dan boleh digunakan dalam menghasilkan papan lapis. Daun pohon kurma kebiasaannya dalam lingkungan 3 hingga 6 meter bergantung kepada jenisnya dan daunnya yang hidup antara 3 hingga 7 tahun.

Kurma telah dikenali sejak dahulu lagi. Ia juga tercatat dalam kitab Injil dan Taurat. Ia menjadi makanan para Nabi dan Rasul. Terdapat hampir 100 jenis pokok kurma. Para saintis moden telah menyenaraikan hampir 200 khasiat buah kurma yang memberi manfaat kepada kesihatan manusia. Buah kurma bukan hanya sekadar untuk dimakan malah bahagian-bahagian lain dari buah ini boleh dimanfaatkan. Antaranya ialah serbuk bunga kurma yang dijadikan makanan tambahan sebagai alternatif untuk memperolehi zuriat dan ia juga diperah untuk menghasilkan minyak.²⁹ Menurut Ibn Kathir (1998), ayat al-Quran tersebut menerangkan tentang kaum *'Aad* yang hidup di zaman Nabi Hud. Mereka ini mendustakan rasul mereka sepertimana yang telah dilakukan oleh umat sebelum mereka. Kemuncaknya, Allah menurunkan bencana kepada mereka iaitu angin ribut kencang yang amat sejuk dan menghancurkan mereka. Ribut yang menimpa mereka menumbangkan semua manusia pada hari itu dan mereka hancur bertebaran bergelimpangan hilang dari pandangan mereka. Pandangan Ibn Kathir (1998) diperkukuhkan lagi dengan pandangan Wahbah al-Zuhaili (2009) yang menyebut bahawa ribut kencang yang mengazab kaum *'Aad* tersebut menghancurkan mereka dari muka bumi ini. Mereka hancur bergelimpangan dan jatuh ke permukaan bumi dalam keadaan yang telah mati berderai.

²⁸ Ibn al-Manzur. (1999). “Lisan al-‘Arab”. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

²⁹ Abu Islam Muhammad Ali. (2012). “al-Nabatat fi Al-Quran”. Qaheerah: Dar al-Islam.

KESIMPULAN

Buah-buahan yang wujud dalam al-Quran adalah merupakan ciptaan dan kejadian Allah Yang Maha Agung lagi maha bijaksana. Dapat dirumuskan bahawa penggunaan buah-buahan dalam al-Quran mempunyai kepentingan menerusi pelbagai aspek samada dari sudut manfaat dan kesihatan. Berdasarkan kepada al-Quran, terdapat banyak buah-buahan yang dinyatakan di dalamnya yang menjadi salah satu daripada tanda kebesaran-Nya. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai rahsia dan keajaiban tersendiri pada buah-buahan yang dinyatakan dalam al-Quran dari sudut tafsiran para ulama dan pendidikan sains.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini dibentangkan adalah untuk memenuhi keperluan kajian bertajuk Kandungan Dan Pembuktian Buah-Buahan Dalam Al-Quran: Analisis Terhadap Al-Quran & Sains dengan kerjasama Fakulti Al-Quran dan Sunnah dan Fakulti Perniagaan & Sains Pengurusan di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

RUJUKAN

Abadi, Majd al-Din Muhammad al-Fairuz. (2005). "Qamus al-Muhit". Beirut: Dar al-Jil.

Abu Islam Muhammad Ali. (2012). "al-Nabatat fi Al-Quran". Qaherah: Dar al-Islam.

al-Hadi, Abd al-Mun'im Fahim. (t.th.) "Alam al-Nabat fi al-Quran al-Karim". Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1946). "Tafsir al-Maraghi". Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa-Awladuh.

al-Quran. (2001). "Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran". Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

al-Zuhaili, Wahbah. (2009). "Tafsir al-Munir fi al-'Akidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj". Dimashq: Dar al-Fikr.

Ashraf Qadah. (2009). "Asrar al-Nabat". Dimashq: Dar al-Ghauthani li al-Dirasat al-Quran al-Karim.

Ibn al-Manzur. (1999). "Lisan al-'Arab". Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Katsoyannos P. (1992). "Olive Pest And Their Control In The Near East". Rome: Food And agriculture Organization Of The United Nations.

Mahir Hasan Mahmud Muhammad. (2006). "al-Thimar wa al-A'syab al-Waridah fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyyah". Mesir: Dar al-Nada.

- Muhamad Khairul Anuar Zulkepli. (2016). “Buah-Buahan Dalam Al-Quran Menerusi Aspek Bahasa Arab”. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 3 (2). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Khasanah. (2011). “Kandungan Buah-Buahan Dalam Al-Quran: Buah Tin (*Ficus carica* L), Zaitun (*Olea europea* L), Delima (*Punica granatum* L), Anggur (*Vitis vinivera* L), Dan Kurma (*Phoenix dactylifera* L) Untuk Kesehatan”. Dosen Fakultas Tarbiyah IAIN Walisongo Semarang. *Jurnal Phenomenon* 1(1).
- P. Bagri. (2009). “Antidiabetic effect of *Punica granatum* flowers: Effect on hyperlipidemia, pancreatic cells lipid peroxidation and antioxidant enzymes in experimental diabetes”. *Food and Chemical Toxicology*. Vol 47, No 1.
- Sumaiyah Muhamad Tamizi. (2015). “Tumbuhan Terpilih Menurut Perspektif Islam Dan Sains Kesehatan”. Tesis Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Visioli F. et al. (2000). “Diet and prevention of coronary heart disease: the potential role of phytochemicals”. *Cardiovascular Research*. Vol 47, No 3.